

Bahagian A
(20 markah)

Soalan 1-20

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.*

- 1 Buah durian itu gugur _____ tanah apabila ditiup angin.
A di
B pada
C ke
D dari

- 2 “Pak Seman menggunakan _____ kapak untuk menebang sebatang pokok rambutan yang berdekatan dengan rumahnya”, kata Samad kepada adiknya.
A sebatang
B sebilah
C sebuah
D sekeping

- 3 _____ berikrar untuk melakukan apa sahaja yang terdaya bagi menjayakan majlis itu.
A Aku
B Saya
C Awak
D Anda

- 4 “Sekiranya tidak ada apa-apa perubahan, _____ikutlah jadual yang telah disediakan tadi”, kata Cikgu Rahman kepada murid-muridnya.
- A kalian
 - B kamu
 - C anda
 - D kita

Soalan 5 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

5. Sazali, Kamal dan Yahya berlatih menyanyi sambil _____alat muzik untuk menyertai Pertandingan Bintang Kecil di sekolahnya.
- A bermain
 - B permainan
 - C memainkan
 - D memeti
6. Tun Abdul Razak bin Husin ialah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berasal _____ negeri Pahang.
- A pada
 - B dari
 - C kepada
 - D daripada

7. "Saya _____ membeli sepasang baju kurung", kata Melati kepada Puteri.
- A harus
 - B dapat
 - C boleh
 - D hendak
- 8 Cikgu Nizam mengambil masa selama _____ hari untuk menanda kertas ujian penulisan itu.
- A setiap
 - B beberapa
 - C sebilangan
 - D sebahagian
- 9 Pemandangan laut itu indah _____ .
- A amat
 - B benar
 - C nian
 - D agak
- 10 Kamu _____ perlu menekan suis yang berwarna hijau untuk menggerakkan mesin pemotong kayu itu.
- A jua
 - B hanya
 - C sahaja
 - D memang

- 11 Ibu menyediakan _____ sempena Hari Raya Aidilfitri.
- A lauk-pauk
 - B kuih-muih
 - C sayur-mayur
 - D buah-buahan
- 12 Terdapat _____ pondok buruk di hujung kampung itu.
- A sebiji
 - B sebuku
 - C sebuah
 - D sebatang
13. Suhaila berasa _____ meninggalkan ayahnya yang sakit tenat di rumah seorang diri.
- A jauh hati
 - B bulat hati
 - C besar hati
 - D berat hati
14. Setelah berjaya dalam perniagaannya, Ahmad telah melupakan jasa ibu bapanya. sikap Ahmad _____.
- A bagai menatang minyak yang penuh.
 - B seperti kacang lupakan kulit
 - C bagai kaduk naik junjung
 - D seperti aur dengan tebing.

- 15 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
- I. Wajahnya sungguh ceria setelah diumumkan menjurai pertandingan itu.
 - II. Sekolah itu memang ceria ; patutlah mendapat anugerah peringkat negeri.
 - III. Bentuk tubuh ahli sukan itu sungguh ceria, berotot dan pejal nampaknya.
 - IV. Beliau cuba berbual ceria untuk menarik perhatian para tetamu di situ.
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

16. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.
- Wang selebihnya boleh kamu dermakan kepada tabung kebajikan warga emas.
- A Wang kamu boleh didermakan kepada tabung warga emas selebihnya.
 - B Tabung kebajikan warga emas boleh didermakan selebihnya kepada wang kamu.
 - C Kamu boleh mendermakan wang selebihnya kepada tabung kebajikan warga emas.
 - D Tabung kamu boleh didermakan selebihnya kepada wang kebajikan warga emas.

Soalan 17- 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan –soalan yang berikutnya.

Telur Omega 3 mengandungi khasiat lima kali ganda berbanding telur biasa. Ia juga mempunyai jumlah kolestrol yang rendah berbanding telur biasa.

Telur ini mengandungi asid lemak omega 3 , vitamin E, vitamin A dan vitamin D. Vitamin ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi, strok, dan penyakit barah.

Harga telur Omega 3 lebih mahal berbanding telur biasa. Saiznya agak besar. Telur Omega ini juga boleh membantu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan otak, sistem saraf dan tisu-tisu mata (retina).

Bak kata pepatah alah membeli menang memakai. Walaupun harganya lebih mahal sedikit tetapi ia amat baik untuk kesihatan kita sekeluarga. Pada masa kini, orang ramai sudah mula mementingkan pemakanan sihat dan seimbang.

Kerajaan telah menggalakkan rakyat agar sentiasa menjaga pemakanan untuk menjamin kesihatan yang lebih baik.

- 17 Apakah kelebihan telur Omega 3?
- A kerana saiznya
 - B kerana harganya mahal
 - C kerana kuantitinya banyak
 - D kerana ia mempunyai banyak khasiat
- 18 Vitamin-vitamin ini terkandung dalam telur Omega 3, **kecuali**
- A vitamin A dan E
 - B vitamin D dan E
 - C vitamin A dan C
 - D vitamin A dan D

- 19 Telur merupakan makanan yang tergolong dalam kumpulan.
- A serat
 - B protein
 - C mineral
 - D karbohidrat
- 20 Apakah akibat jika kandungan kolesterol yang tinggi dalam makanan kepada tubuh badan kita ?
- A tulang kita mudah reput
 - B badan kita menjadi lemah
 - C sering mengalami sakit kepala
 - D mudah mendapat pelbagai penyakit

Bahagian B
(30 markah)

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

harap	jom	usah	silalah
ayuh	biar	tolong	minta

Mak Siti : Assalamualaikum, Khadija. Ibu kamu ada di rumah ?

Khadija : Waalaikumussalam. Oh, Mak Cik Siti. Ibu sedang sembahyang.

(i) _____ masuk dahulu.

Mak Siti : Sekejap lagi Khadija. Ini ha, mak cik ada bawa buah durian .

(ii) _____ mak cik bawakan buah-buah ini, Khadeeja.

Khadija : Eh, (iii) _____ bersusah-susah, mak cik! (iv) _____ saya yang angkat buah-buah ini. Terima kasih ya.

Mak Siti : Sama-sama. Harap tidak keberatan menerimanya.

(4 markah)

Soalan 22


a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan: Antara aktiviti yang boleh dilakukan di karnival nanti ialah memamah dan menunggang kuda.


(2 markah)

b. Tulis **dialog** yang sesuai.



c. Tulis **simpulan bahasa** yang sesuai berdasarkan gambar.

(2 markah)



i) _____

(1 markah)

d. Tulis **peribahasa** yang sesuai berdasarkan gambar.



ii) _____

(1 markah)

Soalan 23

Baca petikan dibawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.

Saya amat meminati ketokohan seorang insan yang pernah diiktiraf sebagai Seniman Agung. Beliau tidak lain daripada Datuk (Dr.) Usman Awang atau nama penanya "Tongkat Warrant".

Beliau anak jati Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Johor; dilahirkan pada 12 Julai 1929. Pendidikannya hanya setakat darjah enam sekolah Melayu ekoran kemiskinan dan penjajahan Jepun di negara kita. Begitupun, beliau dikenali kerana perwatakan peribadinya yang berani dan tegas tetapi lemah lembut dan simpati terhadap golongan miskin.

Beliau banyak menghasilkan karya besar yang amat menyentuh hati nurani manusia. Antaranya sajak "Ke Makam Bonda". Kebanyakan karyanya telah diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris, Perancis, Rusia, Cina dan sebagainya.

Sepanjang kerjayanya, beliau pernah menerima pelbagai anugerah. Antaranya, Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (1983) dan Anugerah Sastera Negara (1983).

Malangnya, beliau telah meninggalkan kita pada 29 November 2001. Namun begitu, nama beliau tetap dikenang sepanjang zaman.

a. Di manakah Tongkat Warrant dilahirkan?

(2 markah)

b. Mengapakah beliau diiktiraf sebagai Seniman Agung?

(2 markah)

- b. Padankan pernyataan dibawah ini berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Tongkat Warrant dilahirkan pada 29 November 2001.

Nama sebenar Tongkat Warrant ialah Datuk Usman bin Doktor Awang.

Karya-karya beliau amat menyentuh perasaan dan pemikiran manusia.

Beliau meningkat remaja semasa zaman Jepun menjajah negara kita.

Betul

Salah

(2 markah)

Soalan 24

Baca sajak dibawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.

Sahabat	
Sahabatku, kau bukan seperti kawan biasa kau di sisi kala senyum dan tawa kau tak lari tika duka dan lara.	Sahabatku, sejak mengenal dirimu diriku rasa terharu dan teruja kau membimbing setiap masa.
Sahabatku, budimu mahu aku kenang ikhlas dan setia kawan diutamakan kekal dan akrab yang kau harapkan.	Sahabatku, berdoalah selalu agar persahabatan ini kekal berpadu sehingga ke akhir hayat.

a. Apakah maksud rangkap terakhir sajak di atas?

(2 markah)

b. Mengapakah penyajak menganggap sahabatnya bukan seperti kawan biasa?

(2 markah)

c. Tanda (√) bagi pernyataan yang betul (X) bagi jawapan yang salah berdasarkan sajak tersebut.

(i) Sahabat amat penting dalam kehidupan kita.	
(ii) Kawan yang baik tidak boleh menjadi sahabat.	

(1 markah)

d. Nyatakan ciri-ciri sahabat yang baik mengikut pandangan kamu.

(2 markah)

Soalan 25

Baca pantun dibawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.

Memetik buah bakul digalas,
Kaki terpijak daun dedalu;
Doa dipanjat budi dibalas,
Sayangi ibu hormat selalu.

Tenteram melihat pohon kekabu,
Tinggi melangit mencapai awan;
Berbuat baik kepada ibu,
Selagi nyawa dikandung badan.

Jalan berdua memikul papan,
Untuk diganti papan yang karam;
Bicara dengan tutur nan sopan,
Ibu gembira hati tenteram.

Berpagi-pagi menangkap belida,
Sesuai nasi jadikan sarapan;
Andai ibumu sudah tiada'
Tadahkan tangan sentiasa doakan.

Gembira melihat cahaya mata,
Bergurai senda dihujung sana;
Tidak diminta balasan harta,
Mengharap anak jadi berguna

a. Apakah maksud rangkap keempat pantun di atas?

(2 markah)

b. Apakah tajuk yang sesuai bagi pantun yang diberi?

(1 markah)

c. Nyatakan ciri-ciri anak yang baik.

(1 markah)

d. Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menghormati ibu bapa?

KERTAS SOALAN TAMAT

(3 markah)